

Najib sebabkan negara berhutang AS\$3b - Saksi

UM - 16/6/2022 ml: 6

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my


KUALA LUMPUR: Tindakan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menandatangani surat sokongan kerajaan (LOS) terhadap pemberian pinjaman kepada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi satu projek usaha sama menyebabkan negara terpaksa menanggung hutang AS\$3 bilion.

Ini kerana salah satu term dalam surat sokongan itu ialah kerajaan akan dipertanggungjawabkan atas pinjaman yang dibuat sekiranya syarikat induk gagal membayar balik pinjaman.

Menurut bekas Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Siti Zauyah Mohd. Desa, selepas LOS dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, 1MDB tidak pernah memberikan laporan mengenai pelaburan AS\$3 bilion itu.

“Apabila LOS telah dikeluarkan kepada pihak 1MDB, pihak pengurusan 1MDB bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah mereka berkenaan LOS yang telah dikeluarkan. Selain itu juga, pihak 1MDB bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan pelaburan mereka seperti mana tujuan permohonan LOS itu dikemukakan kepada pihak MOF.

“Bagaimanapun, sepanjang saya bertugas sebagai Setia-



NAJIB Tun Razak hadir bagi perbicaraan kes 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

saha di Bahagian Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan & Aktuari (BPKA), Kementerian Kewangan, saya tidak ada menerima apa-apa pelaporan balas daripada pihak pengurusan 1MDB berkenaan penggunaan dana berjumlah USD3 billion yang telah mereka perolehi melalui LOS daripada pihak kerajaan.

“Pihak saya di BPKA juga tidak tahu menahu dan tidak diberikan laporan oleh 1MDB tentang ke mana wang tersebut

telah dibelanjakan dan digunakan. Sama ada ia digunakan untuk tujuan asal seperti permohonan mereka atau tidak digunakan bagi tujuan itu,” kata Siti Zauyah.

Saksi pendakwaan ke-25 berkata demikian dalam pada perbicaraan kes Najib yang didakwa atas 25 pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh rasuah dan terlibat dalam perubahan wang haram memabitkan dana syarikat 1Malaysia Develop-

ment Berhad (1MDB) berjumlah RM2.3 bilion.

Menurut keterangan saksi-saksi pendakwaan sebelum ini, AS\$3bilion itu yang disalurkan kepada syarikat usaha sama itu adalah untuk beberapa projek pembangunan antaranya pembangunan sebidang tanah seluas 564,965 meter persegi di Kuala Lumpur International Financial District (KLIFD) yang turut dikenali sebagai Tun Razak Exchange (TRX).

Selain itu, Siti Zauyah memberitahu, pihaknya tidak memberikan sebarang cadangan mengenai pinjaman tersebut kerana bimbang mengenai implikasinya terhadap kewangan negara dan bagi menjaga kepentingan Malaysia.

“Walau bagaimanapun, Bahagian saya telah juga memasukkan dua lagi opsiyen (cadangan) iaitu opsiyen 1 dan opsiyen 2 memandangkan ia adalah kehendak Perdana Menteri (Najib).

Antara cadangan tersebut ialah menerima semua terma yang dikemukakan oleh bank pemberi pinjaman, Goldman Sachs.

“Saya sahkan bahawa pemilihan institusi kewangan iaitu Goldman Sachs selaku pihak yang memberikan pinjaman tidak dirujuk kepada bahagian saya atau kepada Kementerian Kewangan sendiri kerana ianya ditetapkan atas kehendak syarikat 1MDB,” katanya.